

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASALAH PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN KEKAL KUALA LANGAT UTARA**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status cadangan pemansuhan status hutan simpan kekal keatas 930 hektar tanah di Kuala Langat Utara?
- b) Apakah pihak pembangunan tanah menerima permohonan baru dari pemaju projek yang sebelum ini telahpun di tolak oleh EIA kerana menjejaskan alam semulajadi?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis sedang diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 yang lalu. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (*Town Hall Session*) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan HSK tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan yang dikemukakan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna sebelum diangkat kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Berdasarkan kepada analisa bantahan ini, beberapa justifikasi boleh diperolehi untuk menjadi asas pertimbangan dan seterusnya mengesyorkan opsyen-opsyen yang wajar samada penyahwartaan HSK boleh diteruskan atau sebaliknya.

- b) MPKL tiada menerima sebarang permohonan untuk cadangan pembangunan dan ulasan bagi Laporan Penilaian Alam Sekeliling (EIA) diatas hutan simpan kekal Kuala Langat utara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : CSR MBI DAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sumber pendapatan baharu negeri adalah daripada keuntungan operasi GLC-GLC yang diurus oleh MBI. Di segi peraturan adakah pendapatan ini mesti dimasukkan terlebih dahulu ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri, atau boleh digunakan terus oleh MBI atas nama CSR?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan untuk program tuisyen percuma tersebut?
- b) Adakah bagi pelajar miskin atau kurang berkemampuan diluar bandar mengikut DUN diberikan kelebihan peruntukan dari segi jumlah kuota pelajaranya?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukan bagi pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor tahun 2020 adalah sebanyak RM10 juta yang merupakan sumbangan penuh daripada anak-anak syarikat yang terdiri daripada Menteri Besar Incorporated (MBI), Kumpulan Peransang Berhad (KPS), Kumpulan Semeta Sdn Bhd dan SRM Sdn Bhd.
- b) Pemilihan pelajar dilaksanakan oleh pihak sekolah. Bagi sekolah yang mempunyai bilangan jumlah pelajar yang kurang berkemampuan akan diberikan kuota yang lebih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah holistik Kerajaan Negeri untuk membendung wabak denggi yang semakin meningkat di setiap kawasan PBT?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan bagi tujuan pembasmian wabak denggi daripada terus meningkat?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi membendung masalah denggi di kawasan PBT, antara langkah yang akan dan telah dilaksanakan termasuklah:
  - I. Membincangkan isu denggi di secara terperinci untuk tindakan yang diambil oleh pihak terlibat melalui Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor dihadiri oleh kesemua agensi terlibat seperti JKNS, PKD, PBT, PDT dan sebagainya;
  - II. Membincangkan isu serta punca pembiakan denggi di lokasi terlibat bersama penduduk / ahli majlis / DUN agar dapat diambil tindakan bersama;
  - III. Memperkasakan peranan penduduk / agensi terlibat melalui penubuhan pasukan COMBI bagi melaksanakan aktiviti pencegahan denggi (pemusnahan tempat pembiakan denggi serta pendidikan kesihatan denggi) di lokaliti berkenaan;
  - IV. Melaksana program gotong-royong berfokus bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk bersama masyarakat di lokaliti berkenaan;
  - V. Aktiviti penguatkuasaan seperti pengeluaran Seksyen 8 serta pengeluaran kompaun bagi premis kediaman dan penutupan serta tindakan mahkamah bagi premis yang mempunyai pembiakan denggi positif;

- VI. Kerjasama gotong royong di antara agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta komuniti; dan
  - VII. Melantik pihak ketiga iaitu *pest control operator (PCO)* untuk menjalankan kerja-kerja kawalan dan pencegahan denggi di kawasan berwabak.
- b) Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan bagi aktiviti kawalan dan pencegahan demam denggi pada tahun 2020 dengan pertambahan peruntukan daripada RM3.0 juta pada tahun 2019 kepada RM5.0 juta pada tahun 2020. Kerajaan Negeri akan terus menilai keberkesanan program kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan dan sekiranya terdapat keperluan, cadangan peruntukan tambahan akan dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMULIHARAAN HUTAN SIMPAN**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan kawasan hutan simpan di dalam Negeri Selangor terus dikekalkan?
  
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan cadangan penyahwartaan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor adalah sentiasa komited untuk mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri Selangor sebanyak tidak kurang 30% daripada keluasan tanah negeri selaras dengan keputusan MMKN Ke-45/2014 bertarikh 19 November 2014. Malahan, beberapa usaha sedang dilaksanakan bagi menambah keluasan HSK di negeri Selangor dengan mengenalpasti dan mewartakan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dijadikan HSK.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Dasar Moratorium Ke Atas Pembalakan selama tempoh 25 tahun melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan hutan Tanah Kerajaan sejak tahun 2010. Justeru, tiada sebarang aktiviti pembangunan yang boleh dipertimbangkan melainkan ianya mempunyai kepentingan nasional seperti bekalan elektrik, jalanraya, bekalan air dan sebagainya.

Pihak Kerajaan Negeri Selangor juga telah menambah baik Seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 pada A23 berdasarkan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011 dengan memasukkan proviso "semua pengeluaran Hutan Simpanan Kekal perlu melalui Kaedah Penyiasatan Awam seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri". Kerajaan Negeri Selangor telah melulus dan mewartakan suatu Kaedah iaitu Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014 di dalam Warta Kerajaan di bawah Kaedah-kaedah Negeri Selangor dan telah disiarkan pada 30 Januari 2014. Dalam hubungan ini, proses penggantian rizab hutan perlu dilakukan secara serentak dan mengikut panduan Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Sebagai makluman, negeri Selangor adalah merupakan negeri pertama dan satu-satunya negeri di Malaysia yang telah menguatkuasakan Kaedah Penyiasatan Awam sebagai syarat di dalam prosedur penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

- b) Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis sedang diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 yang lalu. Sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menerima sejumlah 44,292 bantahan secara bertulis. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (*Town Hall Session*) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan HSK tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan yang dikemukakan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna sebelum diangkat kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Berdasarkan kepada analisa bantahan ini, beberapa justifikasi boleh diperolehi untuk menjadi asas pertimbangan dan seterusnya mengesyorkan opsyen-opsyen yang wajar sama ada penyahwartaan HSK boleh diteruskan atau sebaliknya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : BANJIR KILAT DUN BANDAR UTAMA**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kampung Chempaka telah dilanda banjir kilat yang semakin serius pada setiap tahun akibat keadaan Sungai Kayu Ara. Sila maklumkan garis masa yang diperlukan bagi projek penaiktarafan bernilai RM 20 Juta diputuskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum ini

**JAWAPAN:**

- a) Projek Menaiktaraf Sungai Kayu Ara yang berjumlah RM 20 Juta adalah salah satu skop di dalam Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Damansara yang telah diluluskan di dalam RMK11. Namun begitu, pelaksanaan projek ini akan disambung ke RMK12. Pada tahun 2020, pihak jabatan di dalam proses untuk membuat lantikan perunding. Garis masa pelaksanaan adalah sebagaimana berikut :

<b>Tahun</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>	<b>2025</b>
Lantikan Perunding, Kerja-kerja Rekabentuk, Penyediaan Dokumen Tender, Proses Perolehan dan Lantikan Kontraktor						
Kerja-kerja Pembinaan Fizikal <ul style="list-style-type: none"><li>- Pembinaan Perlindungan Tebing</li><li>- Pembinaan Tembok Penahan Banjir</li><li>- Pembinaan Outlet</li><li>- Pembinaan Rumah Pam</li></ul>						



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : ANJING LIAR**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk mengatasi populasi haiwan terbiar seperti anjing liar?
- b) Berapakah jumlah anjing yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa tempatan dalam tempoh setahun dan apakah tindakan yang dilakukan selepas itu?
- c) Apakah kaedah pemandulan membantu mengatasi populasi anjing liar ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang berhormat, Perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengawal populasi haiwan terbiar seperti anjing liar adalah dengan :
  - i. Kerajaan Negeri akan mewajibkan setiap anjing baka Mongrel dan Mixbreed supaya dimandulkan dahulu sebagai syarat lesen anjing bagi mengawal populasi anjing liar;
  - ii. Kempen pelesenan anjing ;
  - iii. Operasi bersepadu penangkapan anjing liar secara berterusan berdasarkan aduan dan pemantauan; dan
  - iv. Mengadakan program anjing angkat sepanjang tahun di mana anjing-anjing yang terbiar yang ditangkap akan diberi kepada orang awam yang ingin memelihara anjing tersebut.
- b) Sebanyak **29,463 ekor** tangkapan anjing oleh pihak berkuasa tempatan bagi tahun 2019 dan princian jumlah tangkapan seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>JUMLAH TANGKAPAN ANJING TAHUN 2019</b>
<b>MBSA</b>	5,057 ekor
<b>MBPJ</b>	682 ekor
<b>MPK</b>	5,112 ekor
<b>MPAJ</b>	878 ekor
<b>MPSJ</b>	929 ekor
<b>MPS</b>	1,196 ekor
<b>MPKj</b>	11,189 ekor
<b>MPSp</b>	1,301 ekor
<b>MPKL</b>	556 ekor
<b>MDHS</b>	1,780 ekor
<b>MDKS</b>	580 ekor
<b>MDSB</b>	203 ekor
<b>JUMLAH</b>	<b>29,463 ekor</b>

Nota : Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

Beberapa tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri selepas tangkapan dilakukan adalah seperti berikut ;

- i. Mengadakan program anjing angkat sepanjang tahun di mana, anjing-anjing terbiar yang ditangkap akan diberi kepada orang awam yang ingin memelihara anjing tersebut;
- ii. Menjalankan suntikan *Euthanasia* ke atas anjing-anjing terbiar yang ditangkap melebihi 7 hari atau yang mempunyai penyakit;
- iii. Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik-pemilik anjing yang menuntut anjing peliharaan yang ditangkap kerana membiarkan anjing berkeliaran tanpa kawalan; dan

- iv. membuat proses pemandulan ke atas anjing-anjing yang ditangkap sebelum anjing diberi kepada pemilik baru bagi mengelakkan populasi.
- c) Kaedah pemandulan merupakan salah satu kaedah mengawal populasi anjing berberkeliaran dengan mengawal kelahiran yang tidak diperlukan. Kaedah ini boleh digunakan bagi anjing peliharaan dan juga anjing liar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : HAL EHWAL ORANG ASLI**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan dan apakah taburan masyarakat Orang Asli di negeri Selangor mengikut DUN?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan hak Orang Asli dilindungi, terutamanya dalam aspek tanah adat?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan kampung Orang Asli di Negeri Selangor ini adalah sebanyak **74 perkampungan** yang merangkumi sebanyak **19,979 bilangan penduduk** masyarakat Orang Asli dan yang diwakili oleh **21 DUN**.

Maklumat terperinci taburan Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor mengikut pecahan DUN adalah seperti di berikut :-

**Jadual 1 : Taburan Masyarakat Orang Asli Mengikut DUN di Negeri Selangor**

<b>Bil</b>	<b>Dun</b>	<b>Bil Kampung Orang Asli</b>	<b>Bil Penduduk</b>
1	N.05 : Hulu Bernam	2	313
2	N.06: Kuala Kubu Baharu	7	1736
3	N.07 : Batang Kali	7	2445
4	N13: Kuang	1	425
5	N.15 : Taman Templer	1	125
6	N.16: Sungai Tua	1	124
7	N17: Gombak Setia	3	1357
8	N.18 : Hulu Kelang	1	102
9	N.23: Dusun Tua	6	1379
10	N.24 : Semenyih	3	1012
11	N.29 : Seri Serdang	2	544

12	N.37 : Bukit Lanjan	1	683
13	N.38 : Paya Jaras	1	169
14	N.40 :Kota Anggerik	1	209
15	N.44 : Selat Klang	2	129
16	N.46 : Pelabuhan Klang	1	262
17	N.51 : Sijangkang	6	2462
18	N.52 : Banting	5	1341
19	N.53 : Morib	3	498
20	N.54 : Tanjung Sepat	3	1425
21	N.55 : Dengkil	17	3239
<b>Jumlah</b>		<b>74</b>	<b>19979</b>

**Jadual 2 : Bilangan Masyarakat Orang Asli Mengikut Dun Di Negeri Selangor**

<b>Bil</b>	<b>DUN</b>	<b>Bil Kampung Orang Asli</b>	<b>Nama Kampung</b>	<b>Bil Penduduk</b>	<b>Jumlah Penduduk</b>
1	N.05 : Hulu Bernam	2	KOA Changkat Bintang	132	313
			KOA Serigala	181	
2	N.06: Kuala Kubu Baharu	7	KOA Kuala Kerling	230	1,736
			KOA Kolam Air	55	
			KOA Tun Abd Razak	711	
			KOA Pertak	248	
			KOA Buloh Telor	144	
			KOA Gerachi Jaya	256	
			KOA Sungai Jang	92	
3	N.07 : Batang Kali	7	KOA Gurney	247	2,445
			KOA Songkok	100	
			KOA Hulu Tamu	498	
			KOA Serendah	586	
			KOA Sungai Garing	36	
			KOA Bukit Manchong	795	
			KOA Sungai Kelubi	183	
4	N13: Kuang	1	KOA Hulu Kuang	425	425
5	N.15 : Taman Templer	1	KOA Bukit Lagong	125	125
6	N.16: Sungai Tua	1	KOA Hulu Batu	124	124
7	N17: Gombak Setia	3	KOA Sungai Relang	30	1,357
			KOA Batu 12 Gombak	1253	

			KOA Batu 16 Gombak	74	
8	N.18 : Hulu Kelang	1	KOA Hulu Kemensah	102	102
9	N.23: Dusun Tua	6	KOA Kuala Pangsun	517	1,379
			KOA Padang, Sungai Congkak	120	
			KOA Gabai	121	
			KOA Paya Lebar	206	
			KOA Genting Peras	194	
			KOA Donglai Baru	221	
10	N.24 : Semenyih	3	KOA Sungai Lalang Baru	519	1,012
			KOA Kachau	240	
			KOA Broga	253	
11	N.29 : Seri Serdang	2	KOA Sungai Rasau Hilir	393	544
			KOA Sungai Rasau Hulu	151	
12	N.37 : Bukit Lanjan	1	KOA Bukit Lanjan	683	683
13	N.38 : Paya Jaras	1	KOA Sungai Buloh	169	169
14	N.40 :Kota Anggerik	1	KOA Bukit Bandaraya (Air Kuning)	209	209
15	N.44 : Selat Klang	2	KOA Pulau Ketam	48	129
			KOA Bagan Hailam	81	
16	N.46 : Pelabuhan Klang	1	KOA Pulau Indah	262	262
17	N.51 : Sijangkang	6	KOA Sungai Judah	477	2,462
			KOA Kepau Laut	175	
			KOA Sungai Bumbun	521	
			KOA Sungai Kurau	235	
			KOA Sungai Rambai	115	

			KOA Taman Desa Kemandol	939	
18	N.52 : Banting	5	KOA Busut Baru	465	1,341
			KOA Pulau Kempas	343	
			KOA Bukit Cheeding	268	
			KOA Bukit Kechil	110	
			KOA Bukit Perah	155	
19	N.53 : Morib	3	KOA Permatang Buah	80	498
			KOA Telok Tongkah	167	
			KOA Pulau Banting	251	
20	N.54 : Tanjung Sepat	3	KOA Tanjung Sepat	567	1,425
			KOA Sungai Belankan	76	
			KOA Bukit Bangkong Sungai Pelek	782	
21	N.55 : Dengkil	17	KOA Paya Rumput	80	3,239
			KOA Mutus Tua	28	
			KOA Bukit Tadom	528	
			KOA Bukit Serdang	200	
			KOA Kolam Air Bangkong, Dengkil	438	
			KOA Kelinsing	161	
			KOA Jambu	42	
			KOA Bakok	82	
			KOA Sungai Melut	267	
			KOA Bukit Tampoi	342	
			KOA Bukit Baja	303	
			KOA Air Terentang	127	
KOA Bukit Jenuk	86				



			KOA Batu 28 Jenderam Hilir	164	
			KOA Bukit Dugang	164	
			KOA Bukit Tunggul	50	
			KOA Sungai Buah	177	
	<b>Jumlah</b>	<b>74</b>			<b>19979</b>

- b) Antara kaedah-kaedah yang boleh digunapakai untuk melindungi tanah Orang Asli adalah dengan menguatkuasakan peruntukan undang - undang yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup Orang Asli. Antara Akta yang jelas mempertahankan hak Orang Asli adalah Akta 134, Akta Orang Asli 1954. Dalam soal tanah, Seksyen 6 akta tersebut, adalah berkaitan pengurusan kawasan Orang Asli atau lebih mudah dikenali sebagai tanah saka. Tidak dinyatakan di mana-mana dalam akta tersebut berkaitan Tanah Wilayah Adat Orang Asli.

Sebagai jabatan yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran, kebajikan dan kemajuan Orang Asli secara amnya, pengurusan perlindungan tanah saka adalah menjadi keutamaan. Sehubungan dengan itu, JAKOA Negeri Selangor adalah komited untuk mewartakan sebagai rezab Orang Asli keseluruhan kawasan Orang Asli di negeri.

Tindakan pertama yang perlu dibuat adalah perizaban dan pewartaan semua tanah Orang Asli mengikut seksyen 6 atau seksyen 7, Akta 134, mengikut mana yang bersesuaian hendaklah diluluskan dan diwartakan oleh Kerajaan Negeri. Melalui pewartaan seksyen 6 dan seksyen 7 ini :

- i. Kawasan / Rizab Orang Asli dilindungi daripada diisytiharkan sebagai Rizab Orang Melayu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan Rizab Orang Melayu;
- ii. tiada tanah boleh diisytiharkan sebagai tempat perlindungan atau rizab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perlindungan binatang dan burung liar;
- iii. tiada tanah boleh diisytiharkan sebagai hutan rizab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hutan;
- iv. tiada tanah boleh diberikan hakmilik, diberikan, dipajakan atau selainnya dilupuskan kecuali kepada Orang Asli daripada masyarakat Orang Asli yang biasanya bermastautin di dalam rizab itu; dan
- v. tiada pendudukan sementara mana-mana tanah boleh dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah.
- vi. tiada lesen bagi pemungutan hasil hutan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hutan boleh dikeluarkan kepada

orang yang bukan Orang Asli yang biasanya bermastautin di dalam kawasan Orang Asli itu atau kepada mana-mana perusahaan komersial tanpa berunding dengan Ketua Pengarah dan dalam memberikan apa-apa lesen sedemikian bolehlah diperintahkan supaya suatu kadar tertentu buruh Orang Asli diambil kerja.

Sekiranya mana-mana tanah ingin disingkirkan daripada terus menjadi Kawasan atau Rizab Orang Asli, peruntukan dibawah seksyen 12 berkaitan perihal pampasan hendaklah dipatuhi dan mestilah berpandukan nilai JPPH mengikut konsep di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960). Manakala sekiranya berlaku dimana terdapat harta tak alih seperti yang bukan tanah kerajaan, yang perlu diisytiharkan sebagai Kawasan atau Rizab Orang Asli, Kerajaan boleh membuat pengambilan tanah seperti yang diperuntukkan di dalam APT 1960. Berkaitan isu tanah yang didiami oleh Orang Asli yang masih belum diwartakan dan kawasan tersebut telah pun diisytiharkan sebagai Rizab Hutan dan lain-lain rizab, peruntukan seksyen 10, Akta 134 hendaklah dipatuhi. Seksyen tersebut jelas mengatakan bahawa Orang Asli tidak berkewajipan untuk meninggalkan kawasan tersebut dan boleh terus bermastautin didalamnya mengikut syarat dan kaedah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kerajaan Negeri juga boleh mengecualikan Orang Asli daripada sebarang tindakan penguatkuasaan undang-undang bertulis yang terpakai di atas rizab – rizab tersebut.

Selain itu bagi mengelakkan tanah dan masyarakat Orang Asli daripada dieksploitasi oleh individu dan syarikat tertentu, setiap kemasukan individu bukan Orang Asli, syarikat dan Badan Bukan kerajaan ke perkampungan / kawasan Orang Asli hendaklah mendapat kebenaran daripada JAKOA agar pemantauan dapat dibuat. Dengan penguatkuasaan sepenuhnya Akta 134 diperingkat Kerajaan Negeri melalui kerjasama semua jabatan dan pihak yang berkaitan, usaha dalam melindungi tanah Orang Asli sudah pastinya akan membuahkan hasil.

Satu lagi akta yang mempunyai kuasa undang-undang yang luas adalah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965). Memandangkan tanah Orang Asli masih merupakan tanah Kerajaan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil melalui akta ini. Jabatan dan agensi yang terlibat boleh menjalankan penguatkuasaan mengikut Seksyen 425, KTN 1965 bagi sebarang pencerobohan, penyalahgunaan tanah rizab, pendudukan tak sah dan yang seumpama dengannya. Penguatkuasaan seksyen 426 dibawah akta yang sama juga boleh dibuat terhadap sebarang pencabutan atau pemindahan bahan batuan secara tak sah di dalam Kawasan / Rizab Orang Asli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA UNISEL SEJAK TAHUN 2010.**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang telah Kerajaan Negeri Selangor berikan kepada UNISEL sejak tahun 2010?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Pembiayaan / Geran/Program/BAIDS</b>		<b>Jumlah (RM)</b>
2010	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*		<b>8,520,000.00</b>
2011	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*		<b>18,520,000.00</b>
2012	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*	18,030,000.00	
	Pembaikan Pembentung	10,000,000.00	
			<b>28,030,000.00</b>
2013	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*		<b>17,525,000.00</b>
2014	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*	17,005,000.00	
	Baikpulih Asrama dan Pembentungan UNISEL Bestari Jaya	60,000,000.00	
			<b>77,005,000.00</b>
2015	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*	16,470,000.00	
	Bantuan Raya Kakitangan	2,615,642.70	
			<b>19,085,642.70</b>
2016	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*	20,920,000.00	
	Menaiktaraf Sistem ICT UNISEL	1,578,658.00	
	Projek Transformasi UNISEL	20,000,000.00	
			<b>42,498,658.00</b>
2017	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*	20,072,500.00	
	Geran Selangor Business School	5,000,000.00	
	Bantuan Raya Kakitangan	2,965,874.13	
	Penyelesaian Hutang Jana Niaga S/B*	10,000,000.00	
	Program Jelajah GEMS Larian UNISEL	80,000.00	
			<b>38,118,374.13</b>
2018	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*	19,210,000.00	
	Geran Selangor Business School	10,000,000.00	
	Bantuan Raya Kakitangan	3,041,631.44	

	Penyelesaian Hutang Jana Niaga S/B*	10,000,000.00	
	Projek Transformasi UNISEL	19,977,588	
	Geran Smart Tahfiz UNISEL	500,000.00	
			<b>62,971,619.44</b>
2018	Geran Dermasiswa UNISEL	200,000.00	
	Projek Penanaman Pokok	20,000.00	
	Bantuan Sara Diri Pelajar	22,400.00	
			<b>242,400.00</b>
2019	Pembiayaan Pinjaman BAIDS*	18,332,500.00	
	Penyelesaian Hutang Jana Niaga S/B*	10,000,000.00	
	Baikpulih Smart Classroom	500,000.00	
	Geran Dermasiswa UNISEL	75,100.00	
	Projek Penghijauan UNISEL	20,000.00	
	Program Konvensyen Orang Kurang Upaya	107,000.00	
	Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Selangor	55,000.00	
			<b>29,089,600.00</b>
	<b>Jumlah keseluruhan peruntukan dari 2010 -2019</b>		<b>341,606,294.27</b>

- Pembiayaan Pinjaman BAIDS dan Penyelesaian Hutang Jana Niaga (bertanda \*)** merupakan pembayaran hutang secara berjadual oleh kerajaan negeri kepada bank. UNISEL tidak mendapat manfaat untuk penggunaan OPEX, CAPEX daripada peruntukan ini kerana kesemuanya dibayar kepada bank.
- Bagi penghujung tahun 2019 UNISEL menerima RM500,000.00 sebagai geran pembangunan** bagi membaikpulih makmal dan menyediakan `smart classroom' . Peruntukan ini dalam peringkat akhir penggunaannya untuk tujuan ini.
- Tiada sebarang peruntukan diterima setakat ini untuk tahun 2020.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memperkasakan sektor eko pelancongan terutamanya di kawasan luar bandar seperti di Daerah Hulu Selangor yang mempunyai potensi untuk dimajukan bahkan banyak tempat menarik boleh dipromosikan kepada pengunjung dalam dan luar negara?

**JAWAPAN:**

- a) Beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dalam memperkasa sektor pelancongan khususnya di kawasan pelancongan luar bandar di daerah Hulu Selangor antaranya seperti yang berikut:
- I. Untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan perlu merujuk Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992 dan mengenal pasti status tanah atau kawasan yang ingin dijadikan kawasan pelancongan.
  - II. Pembangunan Pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra alam atau berkonsep eko, kemudahan jalan serta akses, dan nilai komersial menggambarkan "*x-factor*" dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
  - III. Aktiviti promosi yang giat dijalankan oleh Tourism Selangor bersama-sama organisasi pelancongan yang lain bagi memasarkan produk pelancongan yang mempunyai potensi diangkat menjadi tempat tarikan pelancong.
  - IV. Dokumentasi dan Kajian (Research). Bagi mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan, Kerajaan Negeri turut menjalankan beberapa kajian dan dokumentasi serta publisiti dan promosi yang berterusan melalui kerjasama bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Tourism Selangor sendiri sebagai badan pelancongan negeri. Walau bagaimanapun, bagi menjalankan

sesuatu kajian atau dokumentasi, Kerajaan Negeri buat masa ini hanya memberi keutamaan kepada produk-produk pelancongan yang difikirkan berpotensi untuk diangkat sebagai produk utama pelancongan negeri serta bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

- V. Komuniti, organisasi atau kelab pelancongan tempatan daripada kawasan luar bandar tersebut perlu mewujudkan satu jawatankuasa dalam kalangan penduduk dan perniaga tempatan bagi menggerakkan aktiviti perniagaan pelancongan secara sihat. Contoh boleh dilihat kepada Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan yang bergiat aktif dan membawa model seperti 'Community Based Tourism' dan 'Think Tourism' yang sememangnya memberikan impak yang besar dalam memacu pembangunan pelancongan setempat di luar bandar.
- VI. Program Latihan Hos Komuniti Negeri Selangor yang telah melahirkan 51 orang pemandu pelancong daerah khususnya di Hulu Selangor.
- VII. Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) yang memberi penekanan dalam pembangunan pelancongan khusus kepada Inap dusun dan sukan lasak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENERUSI MPKK**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan garis panduan untuk menilai prestasi dan lantikan penerus MPKK?
  
- b) Nyatakan program yang telah dilakukan oleh MPKK dan keberkesanan program tersebut kepada masyarakat di dalam kawasan DUN Semenyih?

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : GERAI-GERAI MAJLIS**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah tindakan penguatkuasaan yang di lakukan oleh PBT untuk memastikan bahawa gerai-gerai tersebut menjalankan perniagaan mengikut peraturan-peraturan termaktub ?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam memastikan peniaga - peniaga menjalankan perniagaan mengikut peraturan serta syarat yang ditetapkan oleh PBT, PBT turut melaksanakan pemantauan secara harian. Kegagalan peniaga mematuhi arahan serta tindakan penguatkuasaan akan diambil tindakan. Selain itu, lesen penjaja yang telah diluluskan akan dipantau secara berkala bagi memastikan semua syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan peruntukan di bawah Undang - Undang Kecil (UUK) Penjaja 2007 dan sekatan -sekatan di dalam garis panduan / syarat lesen dipatuhi.

Sebarang pelanggaran syarat akan dikemukakan notis peringatan / arahan pematuhan syarat lesen. Sekiranya gagal mematuhi arahan di dalam notis, tindakan kompaun akan dilaksanakan. PBT juga akan menamatkan tawaran lesen sekiranya masih berlaku pelanggaran syarat lesen secara berterusan. Penjaja yang telah ditamatkan diberikan tempoh yang wajar untuk menamatkan aktiviti dan mengosongkan gerai. Namun demikian, jika peniaga gagal mematuhi tempoh yang diberikan, tindakan sitaan dan pengosongan gerai akan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : ENAKMEN PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penggubalan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal untuk negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH SELANGORKU DI PJS4**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek perumahan rumah SelangorKu di PJS4?
- b) Bagaimana projek tersebut beroperasi dengan mengambil sebahagian tapak tanah Pangsapuri Medan Indah yang bersebelahan diluluskan?
- c) Apakah cara yang boleh diguna untuk mendapatkan tanah yang diambil itu?

**JAWAPAN:**

- a) Status pembinaan Rumah Selangorku sehingga kini telah mencapai tahap penyiapan 90% dan dijangka akan memperolehi Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) pada bulan Jun 2020.
- b) Projek pembangunan ini telah diberi pertimbangan dan kelulusan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya berdasarkan kepada dokumen Hakmilik yang didaftarkan pada 29.10.2012, No. H.S.(M):31153, Lot P.T 1981 yang dimiliki oleh Tetuan Tact Mission Sdn Bhd.  
*(Salinan Hakmilik)*
- c) Tiada isu tanah yang telah diambil oleh pihak Tetuan Tact Mission Sdn Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada PeBT MPSJ, PeBT di PBT lain tiada akaun tersendiri dan perlu bergantung dengan akaun PBT. Hal ini menyebabkan pengerusi-pengerusi kurang kuasa untuk menguruskan akaun sendiri. Adakah kerajaan berhasrat mengasingkan akaun bank PeBT daripada PBT demi memudahkan urusan-urusan PeBT?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan bermula pada tahun 2009 sebagai agen penggerak kepada pembangunan Negeri.

Sehubungan itu, Garis Panduan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah diwujudkan sebagai panduan kepada pengurusan dan tadbir urus PeBT yang mana garis panduan ini menerangkan konsep dan struktur PeBT dan peruntukan serta tatacara penggunaan peruntukan PeBT. Justeru itu, perkara 7 dalam garis panduan ini telah menerangkan secara jelas berhubung peruntukan. Ini bermaksud segala pengeluaran dan kaedah tatacara kewangan adalah terikat sepenuhnya pada peraturan kewangan di peringkat PBT masing-masing.

Untuk pengetahuan, tatacara kewangan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah berbeza. Majlis Perbandaran Subang Jaya mungkin tidak mengamalkan tatacara kewangan yang sama bagi PeBT seperti di PBT lain. Seperti di dalam Garis Panduan PeBT, semua pengeluaran peruntukan dan kaedah tatacara kewangan adalah terikat sepenuhnya pada peraturan kewangan di peringkat PBT masing-masing.

Terdapat sedikit perbezaan di mana ada PBT yang menggunakan kaedah penyaluran terus ke akaun zon pengerusi PeBT dan ada PBT menyalurkan peruntukan ke akaun induk PeBT. Oleh itu, adalah disaran agar PeBT mengikut tatacara sedia ada yang ditetapkan oleh PBT masing – masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PUSAT HEMODIALISIS**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat menambah bilangan pusat-pusat hemodialisis percuma untuk kegunaan rakyat?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PENAMBAHAN SEKOLAH DI DENGKIL**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengkil mempunyai 25 tapak SMK namun hanya 12 yang berjaya didirikan. Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu Kerajaan Pusat membina lebih banyak sekolah khususnya dikawasan berkepadatan tinggi?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN Selangor) amat peka dan sedar keperluan mendesak bagi kemudahan pendidikan di kawasan Dengkil atau Daerah Sepang khususnya. Kepesatan pembangunan perumahan yang amat pantas tidak seiring dengan peruntukan budget pembangunan fizikal pendidikan KPM yang agak terhad. JPN Selangor telah mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri bagi memudahkan proses perolehan tanah untuk pembinaan sekolah baharu. Maka di dalam RMK12 ini, JPN Selangor telah memohon kelulusan budget bagi pembinaan SMK Kota Warisan bagi satu permohonan berfokus di kawasan kritikal keperluan fasiliti pendidikan Daerah Sepang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (WCE)**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Projek WCE di kawasan Tanjung Karang sehingga ke Sabak Bernam sepatutnya siap?
- b) Adakah pihak Kerajaan ada membuat pemantauan tentang keselamatan di sepanjang jejarian Projek WCE?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : KEBAJIKAN KAKITANGAN DI PEJABAT PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kali terakhir semakan kenaikan gaji kakitangan Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Negeri Selangor?
  
- b) Adakah cadangan caruman SOCSO dan bantuan tambahan akan diluluskan untuk kakitangan PKM?

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ADUAN JALAN BERLUBANG MELALUI APLIKASI WAZE**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah aduan berkenaan jalan berlubang yang diterima melalui aplikasi Waze?
  
- b) Daripada jumlah itu berapakah yang diselesaikan dalam tempoh seminggu selepas menerima aduan?

**JAWAPAN:**